

1 Apakah kepentingan lambang kebesaran Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka berikut?

- Warna
 - Nobat
 - Regalia

- A** Menggambarkan kedaulatan raja

B Melambangkan kekayaan pemerintah

C Menunjukkan kesaktian raja memerintah

D Memperlihatkan salasilah keturunan raja

2 Jadual yang berikut berkaitan dengan tindakan pemerintah Thailand.

Pemerintah Thailand	Tindakan
Raja Mongkut	Memperkenalkan sistem birokrasi Barat
Raja Chulalongkorn	

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap negara?

- A** Menyaingi kuasa besar

B Mengukuhkan kuasa rakyat

C Mengekalkan kedaulatan negara

D Memantapkan kedudukan parlimen

3 Mengapakah Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada abad ke-18?

- A** Mendapatkan Pulau Pinang

B Mengembalikan kuasa raja

C Menghapuskan amalan cukai

D Mengukuhkan sistem tentera

- 4 Novel berikut dihasilkan bagi meningkatkan nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan.

- Angan-angan dalam Gurindam
- Serunai Pujangga

Apakah tema penulisan novel tersebut?

- A Anti imperialisme
 - B Kemajuan ekonomi
 - C Semangat cinta negara
 - D Perjuangan pendidikan
- 5 Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut ?

- A Menghargai nikmat keamanan
 - B Kesepakatan membawa berkat
 - C Kekuatan tentera harus diutamakan
 - D Pemimpin berwibawa asas kejayaan
- 6 Gambar berikut menunjukkan peristiwa kekejaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu.



Sumber: <https://www.thepatriots.asia/>

Apakah tindakan penduduk tempatan dalam menghadapi kekejaman tersebut?

- A Menyokong gerakan Islah
- B Mengadakan tunjuk perasaan
- C Melibatkan diri dalam persatuan
- D Memberi kerjasama dengan British

- 7 Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong proses penyerahan Sarawak kepada British?
- I Memberikan peluang pekerjaan
 - II Memperjuangkan hak penduduk
 - III Mengatasi masalah kewangan
 - IV Memajukan penduduk tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Pada tahun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani perjanjian penyerahan Sabah dengan kerajaan British.
- Mengapakah SBUB bertindak demikian?
- A Desakan kerajaan British
 - B Perebutan kuasa pemerintahan
 - C Masalah pewarisan takhta
 - D Kekurangan dana
- 9 Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 setelah berjaya menolak Malayan Union.
- Bagaimanakah kejayaan tersebut dapat dicapai?
- A Membentuk jawatankuasa perundingan
 - B Mengukuhkan pertahanan negeri
 - C Memajukan ekonomi peribumi
 - D Mengadakan bantahan
- 10 Apakah kesan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Tanah Melayu?
- A Komposisi kaum seimbang
 - B Kuasa kerajaan negeri berkurang
 - C Berpeluang berkerajaan sendiri
 - D Pemansuhan undang-undang tradisional

- 11 Di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan pada tahun 1948, kerajaan berkuasa
- I Menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
 - II Menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman
 - III Mempelbagaikan tanaman makanan untuk menjamin makanan mencukupi
 - IV Mengenaikan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Mengapakah rancangan penempatan semula Kampung Baru merenggangkan hubungan antara kaum?
- A Penguasaan komunis terhadap Kampung Baru
 - B Ramai orang Cina menyertai komunis
 - C Penempatan berasaskan kaum
 - D Peranan Min Yuen
- 13 Apakah kesan dasar pentadbiran British terhadap bidang pendidikan di negara kita?
- A Mewujudkan sekolah vernakular
 - B Memperkasakan sekolah antarabangsa
 - C Memantapkan kurikulum persekolahan
 - D Melaksanakan pembelajaran bahasa asing
- 14 Pada tahun 1946, Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan. Apakah tujuan penubuhan parti tersebut?
- A Mengukuhkan patriotisme
 - B Menuntut kemerdekaan
 - C Mengeratkan perpaduan
 - D Menentang Malayan Union

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri yang diadakan di Tanah Melayu.

Tahun	Pilihan Raya
1954	Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 kerusi daripada 228 kerusi negeri.

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Menekankan konsep persamaan taraf
 - B Memantapkan pentadbiran kerajaan tempatan
 - C Melindungi kepentingan ekonomi antara kaum
 - D Membuktikan kerjasama kaum diterima
- 16 Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat di negara kita.

Apakah kesan pilihan raya tersebut?

- I Pentadbiran demokrasi diamalkan
 - II Pilihan Raya Perbandaran dijalankan
 - III Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan
 - IV Tunku Abdul Rahman mengetuai kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Apakah isu yang menjadi terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Mengekalkan raja berkuasa mutlak
 - B Mewujudkan kerajaan negeri yang kuat
 - C Menyediakan satu bentuk kewarganegaraan
 - D Mengukuhkan kedudukan rakyat pelbagai kaum

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
• Menerima memorandum pelbagai pihak • Penghasilan draf perlembagaan • Reaksi terhadap draf perlembagaan • Perbincangan dengan kerajaan British

Langkah-langkah tersebut menggambarkan bahawa proses penggubalan perlembagaan menekankan nilai

- A Integriti
 - B keberanian
 - C keterbukaan
 - D Akauntabiliti
- 19 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

Mengapakah penubuhan jawatankuasa tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara



20 Gambar berikut merupakan lambang kebangsaan negara.



Apakah kepentingan lambang tersebut?

- A Sikap keterbukaan
- B Jati diri rakyat
- C Kebebasan bersuara
- D Kewibawaan pemerintah


21 Maklumat berikut merujuk kepada ciri-ciri negara yang berdaulat.

X	Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta mempunyai identiti yang sama
----------	---

Apakah X ?

- A Rakyat
- B Kerajaan
- C Perundangan
- D Pemerintahan

- 22 Rajah di bawah menunjukkan lambang negara.



Jalur Gemilang

Mengapakah rakyat perlu menghormati lambang tersebut?

- A Mewujudkan perpaduan
 - B Memupuk patriotisme
 - C Membuktikan kesetiaan
 - D Menikmati kemakmuran
- 23 Apakah ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Agama Islam
 - B Pilihan Raya
 - C Kewarganegaraan
 - D Kerajaan Persekutuan
- 24 Pindaan Perlembagaan 1963 dilakukan dengan memasukkan beberapa klausa baharu pada bahagian tertentu.
- Mengapakah pindaan tersebut dilakukan?
- A Keperluan semasa
 - B Pemisahan Singapura
 - C Pengisytiharan merdeka
 - D Pengasingan kuasa
- 25 Mengapakah Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja perlu menyertai persidangan Majlis Raja-Raja?
- A Mengukuhkan kedaulatan raja
 - B Memeterai keputusan persidangan
 - C Mengekalkan kedudukan pembesar
 - D Meluluskan rang undang-undang



- 26 Bagaimanakah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dapat mewujudkan mekanisme semak dan imbang?
- A Memilih anggota kabinet
 - B Meredakan perselisihan kaum
 - C Mengekalkan *status quo* orang Melayu
 - D Memudahkan rang undang-undang diluluskan
- 27 Apakah yang dimaksudkan dengan sistem Persekutuan?
- A Wilayah merdeka
 - B Pengukuhan kerajaan
 - C Gabungan ideologi
 - D Penyatuan beberapa negeri
- 28 Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan jika berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri?
- A Mengadakan pilihan raya
 - B Budi bicara Perdana Menteri
 - C Yang Di-Pertuan Agong membuat keputusan
 - D Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama
- 29 Maklumat berikut berkaitan cadangan pembentukan Malaysia oleh seorang tokoh.

Tokoh X

Langkah ini bertujuan menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi

Siapakah tokoh X?

- A Lord Brassey
- B Dato Onn Jaafar
- C Sir Gerald Templer
- D Sir Malcolm MacDonald

- 30 Perjanjian Malaysia telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London. Apakah intipati perjanjian tersebut?
- I Pentadbiran diketuai oleh sultan
 - II Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri
 - III Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963
 - IV Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia berjaya ditamatkan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 31 Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan kegiatan ekonomi khususnya kepada masyarakat Sabah dan Sarawak selepas pembentukan Malaysia?
- A Melatih tenaga guru
B Membina lebih banyak sekolah
C Meningkatkan sistem pengangkutan
D Mempelbagaikan pertanian komersial
- 32 Apakah faktor berlakunya peristiwa 13 Mei 1969?
- I Ketidakeimbangan ekonomi
 - II Kegagalan kempen pilihan raya
 - III Perebutan kuasa penerintahan
 - IV Keputusan pilihan raya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 33 Rajah di bawah menunjukkan langkah untuk mengukuhkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

X
• Memperkenalkan sekolah aneka jurusan. • Bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir.

Apakah X?

- A** Jawatankuasa Kabinet
B Penyata Rahman Talib
C Kajian Aminudin Baki
D Kurikulum Baru Sekolah Rendah
- 34 Logo di bawah menunjukkan logo Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).



Apakah kepentingan penganjuran sukan tersebut?

- I** Melahirkan tenaga kerja mahir
II Menggalakkan integrasi antara negeri
III Menunjukkan kebolehan dalam sukan
IV Memudahkan perkongsian kepakaran
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Membasmi kemiskinan
- Menyusun semula masyarakat

Apakah matlamat pelaksanaan kedua-dua strategi tersebut?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan pelaburan negara
- C Pengagihan kekayaan sama rata
- D Pembinaan negara maju

36 Strategi yang digunakan dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN) bagi meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat ialah

- A Memastikan bekalan buruh mencukupi
- B Melaksanakan program penanaman semula
- C Mengurangkan pegangan saham pelabur asing
- D Melaksanakan Rancangan Buku Hijau

37 Pelibatan aktif Malaysia dalam agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membolehkan beberapa tapak di negara kita seperti Lembah Lenggong diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

Apakah agensi PBB yang dimaksudkan?

- A FAO
- B WHO
- C UNHCR
- D UNESCO

- 38 Sebagai Pengerusi OIC pada tahun 2003, bagaimanakah Malaysia menghadapi tohmahan yang mengaitkan masyarakat Islam dengan isu 3K iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran?
- A Memperjuangkan hak asasi manusia
 - B Menyelesaikan jenayah antarabangsa
 - C Mengetengahkan nilai kesederhanaan
 - D Mengamalkan dasar tidak berpihak
- 39 Pada tahun 1997- 1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi. Bagaimanakah Kerajaan Malaysia memulihkan masalah tersebut?
- A Menubuhkan INCEIF
 - B Menggunakan mata wang ASEAN
 - C Menambat kadar mata wang ringgit
 - D Menubuhkan AFTA
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha Malaysia mengekalkan kelestarian global.

Pengisytiharan Deklarasi Langkawi

Apakah isu alam sekitar yang dikaitkan dengan deklarasi tersebut?

- A Kesan rumah hijau
- B Penerokaan Antartika
- C Kajian perubahan iklim
- D Kemerosotan ekosistem

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT